

SURAT AKUAN

PELEPASAN TUAN TANAH UNTUK PROGRAM RMR PERAKKU PRIHATIN OLEH YAYASAN PERAK / SPNB

Saya / Kami, pemilik tanah yang berdaftar di bawah pegangan (No. Hakmilik).....
No. Lot/PT Mukim Daerah
Negeri (“Tanah Tersebut”)

1. Bahawa saya / kami membenarkan (Nama Pemohon)
(No.K/P Pemohon) yang beralamat di
.....
untuk membina sebuah rumah RMR Perakku Prihatin (“Rumah Tersebut”) di atas Tanah Tersebut di bawah Program RMR Perakku Prihatin;
2. Bahawa saya/kami memahami dan bersetuju sekiranya permohonan ini diterima dan diluluskan oleh SPNB/Yayasan Perak, saya/kami akan mematuhi segala terma-terma dalam dokumentasi perjanjian yang akan ditandatangani dan bahawa saya/kami bertanggungjawab sepenuhnya secara berasingan dan berse sama dengan pemohon di dalam proses permohonan Rumah RMR Perakku Prihatin ini;
3. Bahawa saya/kami sedar dan akur bahawa sebaik sahaja kami menandatangani akuan bersumpah ini, maka saya/kami bertanggungjawab untuk meneruskan proses menandatangani segala dokumentasi perundangan yang berkaitan dan tidak akan membatalkan kebenaran/pelepasan untuk pembinaan /cagaran ke atas hakmilik yang disebutkan di atas melainkan atas alasan yang dibenarkan oleh pihak Yayasan Perak/SPNB;
4. Bahawa saya/kami pada setiap masa akan mengecualikan Yayasan Perak/SPNB daripada sebarang pertikaian, perselisihan, tuntutan dan tindakan undang-undang diantara saya sebagai pemilik tanah dengan pemohon dan/atau dengan mana-mana pihak ketiga yang lain;

SURAT AKUAN

PELEPASAN TUAN TANAH UNTUK PROGRAM RMR PERAKKU PRIHATIN OLEH YAYASAN PERAK / SPNB

5. Saya/Kami memahami dan bersetuju bahawa sekiranya berlaku sebarang kemungkiran oleh saya dan/atau pemohon, Yayasan Perak/SPNB berhak pada bila-bila masa menguatkuasakan haknya dan/atau mengambil sebarang tindakan undang-undang seperti yang dinyatakan dan dipersetujui didalam dokumentasi Perjanjian dan/atau apa-apa peruntukan undang-undang yang berkaitan.
6. Saya/Kami sedar dan akur bahawa saya/kami bertanggungjawab sepenuhnya untuk menunjukkan tapak cadangan yang sah seperti yang dicadangkan oleh pemohon di dalam permohonan Program RMR Perakku Prihatin dan dipersetujui oleh Yayasan Perak/SPNB melalui surat tawaran/dokumen perjanjian bagi tujuan pembinaan RMR Perakku Prihatin.
7. Pada setiap masa dan sehingga tarikh surat akuan ini dibuat, saya bukan seorang bankrap/mufflis di bawah undang-undang Malaysia dan tiada sebarang Petisyen Pemiutang difailkan terhadap saya;
8. Pada setiap masa dan sehingga tarikh ini tiada apa-apa prosiding undang-undang dikenakan atau akan dikenakan terhadap saya oleh mana-mana individu, bank, institusi kewangan, institusi korporat atau mana-mana pihak yang tidak secara spesifik disebut di sini, di dalam mana-mana mahkamah di Malaysia atau mana-mana negeri;
9. Akan memaklumkan kepada Yayasan Perak/SPNB dalam masa tujuh (7) hari sekiranya saya mengetahui atau sedar akan sesuatu petisyen bankrap difailkan terhadap saya;
10. Saya/Kami sedar dan akur bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya dan menanggunggrugi segala kos/denda/penalti yang akan ditanggung dan akan dikenakan oleh Yayasan Perak/SPNB akibat dari deklarasi, maklumat-maklumat dan akuan palsu yang telah saya berikan.
11. Saya/Kami juga sedar dan akur bahawa saya boleh dikenakan hukuman dan didenda di bawah Kanun Keseksaan sekiranya saya disabitkan bersalah membuat pengesahan, deklarasi, pengisytiharan, pernyataan, waad dan akuan palsu.

SURAT AKUAN

PELEPASAN TUAN TANAH UNTUK PROGRAM RMR PERAKKU PRIHATIN OLEH YAYASAN PERAK / SPNB

12. Saya/Kami dengan ini bersetuju, sedar dan faham dengan penuh kepercayaan bahawa segala yang disebut di atas adalah benar dan selaras dengan peruntukkan Akta Akuan Bersumpah 1960.

Diikrarkan oleh]
]]
pada haribulan]
di]

.....
(Nama)
(No.K/P)

.....
(Nama)
(No. K/P)

Di hadapan saya,

.....
Pesuruhjaya Sumpah